

## **KEPUTUSAN MESYUARAT JEMAAH MENTERI**

Tarikh : 10 Mac 1993

Agenda : Memorandum No. 146 / 1865 / 93

Perkara : Penandaan dan Pengukuran Sempadan  
Bersama Antara Negeri-Negeri semenanjung  
Malaysia.



PEJABAT KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN TANAH DAN  
PEMBANGUNAN KOPERASI  
TINGKAT 11, WISMA TANAH,  
JALAN SEMARAK,  
50574 KUALA LUMPUR.

DPNM.....  
KTPK (R) 07/11/2/7

(21)

16


Telpon: 03-2937312 (Talian Terus)  
03-2921566  
Fax: 03-2914208  
Kawat: "MAJUTANAH KUALA LUMPUR"

R A H S I A

Rujukan Tuan: KTPK(R)07/11/2/7/  
Rujukan Kami: Sk.3.Jld.1/(20)  
TARIKH: 19 April 1993

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan,  
Jabatan Ukur dan Pemetaan,  
Ibu Pejabat Jabatan Ukur,  
Jalan Semarak,  
50578 KUALA LUMPUR.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan,  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian,  
Tingkat 7, Wisma Tanah,  
Jalan Semarak,  
50576 KUALA LUMPUR.



Setiausaha,  
Bahagian Dasar dan Pembangunan,  
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Malaysia.

Pn Azizah  
- untuk fail  
Semakan dan Negeri  
- Setiausaha NE

24/3

Tuan,

KEPUTUSAN MESYUARAT JEMAAH MENTERI

Tarikh : 10 Mac 1993  
Agenda : Memorandum No.146/1865/93  
Perkara : Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama  
Antara Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia.

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 1993 telah menimbangkan Memorandum No. 146/1865/93 dan:

(a) mengambil maklum:

(i) mengenai kedudukan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri di Semenanjung;

(b) bersetuju:

(i) dengan garis panduan (tatacara) pelaksanaan permohonan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri seperti di para 3.4 Memorandum itu;

- (ii) dengan kos penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri ditanggung bersama oleh Kerajaan Negeri yang terlibat; dan
- (iii) dengan mewujudkan Akaun Amanah di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi agar penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri dapat berjalan dengan lancar.

2. Demikian disampaikan untuk perhatian dan tindakan pihak tuan yang segera.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"CINTAILAH BAHASA KITA"

  
( AZMEER BIN RASHID )  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Malaysia.

s.k.

Y.Bhg. Dato' TKSU.

KTPK.....

21

KTPK(R) 07/11/2/7  
Sk.6 Jld.6 ( 21 )  
5 Mac, 1993

SEGERA DENGAN TANGAN

Ketua Setiausaha Negara,  
Jabatan Perdana Menteri  
(Bahagian Kabinet),  
Jalan Dato' Onn,  
50502 KUALA LUMPUR.

Tuan,

MEMORANDUM DARIPADA MENTERI  
TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI

PENANDAAN DAN PENGUKURAN SEMPADAN BERSAMA  
ANTARA NEGERI-NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan  
.... bersama-sama ini disampaikan dua salinan memorandum dan dua  
salinan ringkasan kepada memorandum tersebut untuk tindakan  
pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

2

(AHMAD BAKIR BIN HJ. MOHAMED)  
Setiausaha Bahagian Dasar dan Pembangunan,  
b.p. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Malaysia.

RAHSIA

DOKUMEN INTI IALAH HAKMILIK KERAJAAN MALAYSIA

KTPK(R) 07/11/2/7  
Sk.6 J1d.6

Memorandum Jemaah Menteri

Nombor :

Salinan Bilangan:

RINGKASAN

MEMORANDUM DARIPADA  
MENTERI TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI

PENANDAAN DAN PENGUKURAN SEMPADAN BERSAMA  
ANTARA NEGERI-NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA

---

1. Tujuan Memorandum ini adalah untuk memaklumkan kepada Jemaah Menteri mengenai kedudukan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia serta meminta Jemaah Menteri menimbang dan meluluskan garis panduan (tatacara) pelaksanaan permohonan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri, kos penandaan dan pengukuran sempadan bersama hendaklah ditanggung bersama oleh Kerajaan Negeri yang terlibat serta mengwujudkan Akaun Amanah di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi agar penandaan dan pengukuran sempadan bersama dapat berjalan dengan lancar dan teratur.
  
2. Permintaan dari negeri-negeri untuk menanda dan mengukur sempadan bersama semakin meningkat pada tiap-tiap tahun.

RAHSIA

Keadaan ini dijangka akan berterusan untuk tahun-tahun yang akan datang kerana dengan bertambah baiknya ekonomi negara, keperluan pembangunan di negeri-negeri terutama di kawasan sempadan dijangka akan bertambah pesat. Walau pun pada masa sekarang terdapat garis panduan yang diikuti bagi melaksanakan permohonan pengukuran sempadan tetapi garis panduan tersebut tidak lengkap. Oleh itu garis panduan (tatacara) seperti yang dicadangkan adalah untuk memperkemas dan memperkuuhkan lagi mekanisme pentadbiran di dalam pemerosesan permohonan penandaan dan pengukuran sempadan agar iaanya berjalan dengan lancar dan teratur.

3. Oleh kerana kerja-kerja penandaan dan pengukuran dilakukan di atas permintaan Kerajaan Negeri dan bagi faedah Kerajaan Negeri maka adalah wajar kos berkenaan ditanggung bersama oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat. Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi suka mencadang ditubuhkan suatu Akaun Amanah. Pengwujudan Akaun Amanah di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi itu akan membolehkan kerja-kerja penandaan dan pengukuran dijalankan dengan lebih lancar dan teratur.
4. Perbendaharaan Malaysia menyokong supaya kos bagi melaksanakan kerja-kerja pengukuran dibiayai oleh Kerajaan

Negeri dan tiada halangan ke atas penubuhan Akaun Amanah itu. Majlis Keselamatan Negara menyokong cadangan bagi mengwujudkan garis panduan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri. Jabatan Peguam Negara juga menyokong cadangan-cadangan seperti yang terdapat di dalam garis panduan berkenaan.

5. Jemaah Menteri adalah diminta :

- )
- (i) mengambil maklum mengenai kedudukan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.
- (ii) Menimbang dan meluluskan cadangan-cadangan berikut:
- (a) garis panduan (tatacara) pelaksanaan permohonan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri seperti di para 3.4;
- (b) kos penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri ditanggung bersama oleh Kerajaan Negeri yang terlibat;

(c) mengwujudkan Akaun Amanah di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi agar penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri dapat berjalan dengan lancar.

KEMENTERIAN TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI,  
KUALA LUMPUR

TARIKH: 4 MAC, 1993.

RAHSIA

DOKUMENINI IALAH HAKMILIK KERAJAAN MALAYSIA

KTPK(R) 07/11/2/7  
Sk.6 Jld.6

Memorandum Jemaah Menteri

Nombor :

Salinan Bilangan :

**MEMORANDUM DARIPADA  
MENTERI TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI**

**PENANDAAN DAN PENGUKURAN SEMPADAN BERSAMA  
ANTARA NEGERI-NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA**

---

1. **TUJUAN**

Tujuan memorandum ini ialah:

1.1 untuk memaklumkan kepada Jemaah Menteri mengenai kedudukan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

1.2 Meminta Jemaah Menteri menimbang dan meluluskan cadangan-cadangan berikut:

(a) garis panduan (tatacara) pelaksanaan permohonan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri seperti dipara 3.4;

RAHSIA

- (b) kos penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri ditanggung bersama oleh Kerajaan Negeri yang terlibat;
- (c) mewujudkan Akaun Amanah di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi agar penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri dapat berjalan dengan lancar.

## 2. LATARBELAKANG

### 2.1 Tatacara Pengukuran Sempadan Negeri-Negeri Sekarang

2.1.1 Pada masa sekarang tatacara bagi melaksanakan pengukuran sempadan diantara negeri-negeri adalah seperti berikut :

- (a) Kerajaan Negeri yang terlibat akan mengemukakan permohonan kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk membuat pengukuran sempadan.
- (b) Jabatan Ukur dan Pemetaan akan menyediakan satu kertas kerja yang

mengandungi maklumat seperti jarak sempadan negeri berkenaan yang perlu diukur, kaedah penentuan sempadan samada berdasarkan kepada sungai, legeh utama (main watershed) atau berdasarkan kepada perjanjian-perjanjian yang telah dibuat oleh negeri berkenaan terdahulu daripada itu.

- (c) Kertas Kerja berkenaan akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan bersama oleh Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian Negeri bagi negeri-negeri yang sempadan negerinya hendak diukur.
- (d) Keputusan daripada mesyuarat Jawatan-Teknikal tersebut akan dikemukakan kepada mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Negeri yang dipengerusikan bersama oleh Menteri-Menteri Besar Negeri yang terlibat.

2.2 Kemajuan Pengukuran dan Penandaan  
Sempadan Negeri-Negeri Sekarang

2.2.1 Setakat ini empat buah negeri iaitu Negeri Perak, Negeri Terengganu, Negeri Pahang dan Negeri Kelantan telah memohon supaya sempadan negeri-negeri berkenaan diukur dan ditanda.

2.2.2 Pada keseluruhannya, anggaran jarak sempadan diantara negeri-negeri Semenanjung Malaysia ialah 2168.648 km. dan 232 km. daripadanya telah pun diukur. Butir-butir jarak tersebut adalah seperti di LAMPIRAN A.

2.3 Masalah-Masalah Pelaksanaan Pengukuran

Masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan pengukuran sempadan adalah seperti berikut:

2.3.1 Cuaca

Pada musim monsun, hujan turun tidak berhenti-henti. Ini menyebabkan jalan utama dari kem penginapan ke lokasi kerap kali terputus. Pengangkutan bahan-bahan binaan terpaksa dibuat dengan berjalan kaki

dan begitu juga dengan pekerja-pekerja. keadaan cuaca tersebut juga menyebabkan kerja pengukuran terpaksa ditangguhkan. Ini akan menjejaskan prestasi kemajuan kerja.

#### 2.3.2 Keadaan Tempat Kerja

Keadaan tempat kerja adalah berbukit-bukit berserta dengan batu dan dipenuhi oleh hutan yang tebal. Di samping itu akan terdapat tanah runtuh. Ini akan menyukarkan pengangkutan bahan-bahan binaan seperti simen, batu, pasir dan batu-batu sempadan untuk menandakan sempadan legeh. Keadaan tersebut akan menjejaskan kemajuan kerja.

#### 2.3.3 Keselamatan

Di kawasan keselamatan, kebenaran dari Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKKN) perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum pengukuran dijalankan. Kawasan-kawasan yang terlibat dengan operasi keselamatan akan menyebabkan kerja-kerja pengukuran terpaksa ditangguhkan dan ini menjejaskan kemajuan kerja.

#### 2.3.4 Pengangkutan

Jalan utama yang digunakan bagi tujuan pengangkutan tanda-tanda dan batu sempadan dan bahan-bahan untuk projek penandaan dan pengukuran sempadan adalah terdiri dari jalan-jalan balak. Jalan-jalan tersebut akan bertambah buruk apabila timbulnya musim hujan dan ini akan menjelaskan pengangkutan. Masalah besar yang dialami untuk membawa tanda-tanda dan batu sempadan masuk ke kawasan kerja adalah disebabkan oleh keadaan hutan belantara yang tebal dan bukit yang tinggi dan curam.

#### 2.3.5 Kemampuan Jabatan Ukur dan Pemetaan

Keupayaan Jabatan Ukur dan Pemetaan dalam menjalankan kerja-kerja pengukuran adalah bergantung kepada jumlah kakitangan yang terlibat dan keadaan bentuk muka bumi sesuatu tempat. Pada kebiasaannya jumlah jarak yang boleh diukur di dalam tempuh sebulan dianggarkan 6 (enam) km. berdasarkan kepada satu pasukan kerja luar (seramai 20 orang yang terdiri daripada Pembantu Teknik, Juruteknik dan Buruh).

2.4 Sehingga kini permintaan dari negeri-negeri untuk penandaan dan pengukuran sempadan semakin meningkat. Arah aliran (trend) ini dijangka berterusan pada tahun-tahun yang akan datang kerana dengan bertambah baiknya ekonomi negara maka keperluan untuk pembangunan di kawasan sempadan negeri-negeri dijangka akan bertambah pesat.

### 3. ASAS PERTIMBANGAN

3.1 Pentingnya penandaan dan pengukuran sempadan antara negeri dapat dilihat daripada faktur-faktur berikut:

3.1.1 Tanah adalah satu khazanah yang amat berharga dan merupakan keperluan asas yang perlu ditadbirkan dengan cara yang bersistematis dan terancang. Untuk mencapai maksud ini, tanah yang termasuk di dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri mestilah dikenalpasti dan ditentukan sempadannya supaya masalah-masalah yang berkaitan dengan pentadbiran dan kegunaannya tidak timbul dikemudian hari.

3.1.2 Pencerobohan dan penerokaan tanah Kerajaan secara haram (termasuklah pembalakan haram

di hutan-hutan simpan Kerajaan) adalah sukar dibendung. Pada kebiasaannya pencerobohan dan penerokaan tanah secara haram ini berlaku di kawasan pendalaman termasuk di kawasan sempadan antara negeri yang selalunya terletak jauh dari pusat pentadbiran. Akibat daripada pencerobohan tanah ini, Kerajaan Negeri akan kehilangan hasil cukai tanah. Dengan adanya penandaan dan pengukuran sempadan, Kerajaan Negeri akan dapat menguatkuaskan undang-undang tanah di kawasan masing-masing.

3.1.3 Pelupusan tanah secara berperancangan perlu dilakukan dengan cara yang teratur kerana kebanyakan kawasan disepanjang sempadan dilitupi dengan hutan belantara dan bergunung ganang. Kawasan ini amat sesuai untuk dimajukan bagi berbagai-bagai tujuan terutama untuk pertanian dan pelancungan. Pembangunan tanah untuk pelancungan dan pertanian telah menarik banyak pihak terutama sektur swasta. Oleh itu pelupusan tanah untuk tujuan ini mestilah dilakukan dengan cara yang tepat. Dengan adanya penandaan dan pengukuran sempadan, keluasan sesebuah negeri dapat dikira dengan tepat.

Dengan itu secara tidak langsung pemberian hakmilik tanah berhampiran kawasan sempadan akan dapat dilakukan dengan lebih mudah. Ini akan dapat membantu Kerajaan Negeri menjalankan usaha-usaha pembangunan dengan lebih giat lagi.

- 3.1.4 Kawasan-kawasan yang terdapat sumber-sumber asli seperti hasil hutan, hasil bumi (galian) akan dapat diketahui dengan lebih mudah dari segi kedudukan dan kawasan pemilikannya. Ini akan dapat mengelakkan pertelingkahan antara negeri berkaitan dengan pembahagian hasil sumber-sumber asli tersebut.
- 3.2 Bagi memastikan tindakan ke atas permohonan-permohonan ukur dapat diproses, beberapa perkara dasar hendaklah dipenuhi terlebih dahulu dan dipersetujui. Diantara perkara tersebut ialah kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri-Negeri yang terlibat untuk menjalankan pengukuran di sempadan yang ditentukan. Kelulusan ini hendaklah meliputi menanggung kos pengukuran.
- 3.3 Jabatan Ukur dan Pemetaan hendaklah mempunyai keupayaan (tenaga manusia dan kewangan) bagi

melaksanakan tugas pengukuran berkenaan. Bagi mem-pastikan kerja-kerja Jabatan Ukur dan Pemetaan sekarang tidak terjejas oleh cadangan ini, pengukuran sempadan negeri hendaklah dibuat di kawasan terpilih sahaja. Kawasan-kawasan tersebut ialah kawasan yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- 3.3.1 Kawasan sempadan yang sudah dibangunkan.
  - 3.3.2 Kawasan-kawasan yang bermasalah (seperti pembalakan haram dan lain-lain).
  - 3.3.3 Kawasan sempadan yang sedang dirancang untuk dimajukan.
  - 3.3.4 Kawasan-kawasan sempadan yang telah berubah aliran sungainya.
- 
- 3.4 Selaras dengan cadangan tentang perlunya sempadan-sempadan negeri terutama di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk diukur, maka dicadangkan garis panduan (tatacara) memproses permohonan-permohonan ukur adalah seperti berikut:

### 3.4.1 Pertimbangan Permohonan

(a) Kesemua permohonan tersebut akan dipertimbangkan oleh sebuah Jawatankuasa di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Dicadangkan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa yang dinamakan "Jawatankuasa Kebangsaan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri" (JKPPSBN) bagi meneliti dan seterusnya meluluskan permohonan tersebut. Ahli Jawatankuasa JKPPSBN dicadangkan seperti berikut:

- (i) Ketua Setiausaha - Pengerusi Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi
- (ii) Ketua Pengarah - Ahli Jabatan Ukur dan Pemetaan
- (iii) Wakil Jabatan Perdana - Ahli Menteri
- (iv) Wakil Jabatan Peguam - Ahli Negara
- (v) Y.B Setiausaha Kerajaan - Ahli Negeri (Negeri yang terlibat)

Urusetia kepada Jawatankuasa ini ialah Bahagian Dasar dan Pembangunan, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

- (b) Bidang tugas Jawatankuasa Kebangsaan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri dicadangkan seperti berikut:
- ) (i) Memproses permohonan yang diterima.
  - (ii) Menentukan kawasan-kawasan keutamaan secara keseluruhan.
  - (iii) Menyelaras semua aspek dasar-dasar yang berkaitan dengan pengukuran sempadan negeri-negeri.
  - (iv) Mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian apabila menerima laporan daripada Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri (JPPSBN).

#### 3.4.2 Pelaksanaan Pengukuran

Selepas JKPPSBN meneliti dan membuat keputusan ke atas permohonan-permohonan,

keputusan akan diberitahu kepada Jawatan-kuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri. Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri akan mengarahkan Jawatankuasa Bersama Teknikal menjalankan kerja-kerja pengukuran sebagaimana yang telah dipersetujui. Seterusnya kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan negeri-negeri akan diawasi oleh Ketua Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan.

#### 3.4.3 Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Bersama

- (a) Permohonan penandaan dan pengukuran sempadan bersama dari Kerajaan Negeri hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkenaan. Persetujuan di dalam mesyuarat MMK perlulah dibawa ke mesyuarat bersama Y.A.B. Menteri-Menteri Besar/Ketua Menteri bagi negeri yang terlibat untuk persetujuan bersama. Oleh yang demikian adalah dicadangkan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Pengukuran diperingkat negeri yang dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, negeri-negeri yang

berkenaan. Jawatankuasa ini bolehlah dinamakan "Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri (JPPSBN)". Keanggotaan Jawatankuasa ini dicadangkan seperti berikut:

- (i) Setiausaha Kerajaan - Pengerusi Negeri Bersama
- (ii) Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri - Ahli
- (iii) Pegawai Kewangan - Ahli Negeri
- (iv) Pegawai Kemajuan - Ahli Negeri
- (v) Pengarah Tanah dan Galian Negeri - Ahli
- (vi) Pengarah Perhutanan - Ahli Negeri
- (vii) Setiausaha Jawatankuasa - Ahli Keselamatan Negeri
- (viii) Wakil Kementerian Tanah - Ahli dan Pembangunan Koperasi

(ix) Wakil Ketua Pengarah - Ahli  
Jabatan Ukur dan Pemetaan

(x) Jabatan diperingkat - Ahli  
Negeri yang difikirkan  
bersesuaian

(b) Bidang tugas Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri adalah dicadangkan seperti berikut:

(i) Memperakukan dan memberi persetujuan kawasan-kawasan yang telah dikenal-pasti untuk diukur.

(ii) Memberi persetujuan perkara-perkara yang melibatkan aspek teknikal dalam pengukuran, kos dan perbelanjaan pengukuran, aspek-aspek keselamatan dan lain-lain perkara seperti yang diperakukan oleh Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Negeri.

(iii) Mengkaji dan menilai prestasi kemajuan pengukuran sempadan negeri-

negeri termasuk menyelesaikan isu/masalah yang berbangkit.

- (iv) Melaporkan kepada Jawatankuasa Kebangsaan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri (JKPPSBN) akan kemajuan kerja-kerja pengukuran di lapangan dan lain-lain perkara yang berkaitan.
- (v) Melaporkan dan membuat perakuan kepada Jawatankuasa Kebangsaan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri jika terdapat sempadan negeri yang berubah semasa kerja-kerja pengukuran sedang dijalankan.
- (c) Bagi membolehkan Kerajaan Negeri mengemukakan permohonan dengan tepat dan jelas, "Jawatankuasa Bersama Teknikal" di peringkat negeri yang ada sekarang perlulah diperkemaskan lagi tugas, perjalanannya dan komposisi ahlinya. Dicadangkan supaya Jawatankuasa Bersama Teknikal ini dianggotai oleh:

- (i) Pengarah Tanah dan - Pengerusi  
Galian Negeri Bersama
- (ii) Penasihat Undang-Undang - Ahli  
Negeri
- (iii) Wakil Ketua Pengarah - Ahli  
Jabatan Ukur dan Pemetaan
- (iv) Pengarah Ukur Negeri - Ahli
- (v) Pengarah Perhutanan - Ahli  
Negeri
- (vi) Wakil Ketua Polis Negeri - Ahli
- (vii) Setiausaha Jawatankuasa - Ahli  
Keselamatan Negeri
- (viii) Jabatan diperingkat - Ahli  
negeri yang difikirkan  
perlu
- (ix) Wakil Bahagian Dasar dan - Ahli  
Pembangunan, Kementerian  
Tanah dan Pembangunan Koperasi.
- (x) Wakil Angkatan Tentera - Ahli  
Malaysia

(d) Bidang tugas Jawatankuasa Bersama Teknikal ini dicadangkan seperti berikut:

(i) Mengenal pasti sempadan-sempadan yang perlu diukur.

(ii) Membuat kajian awalan untuk kelulusan MMK.

(iii) Membuat kajian lanjut terhadap sempadan-sempadan yang perlu diukur seperti kaedah penentuan sempadan dan asas-asas pengukuran serta perjanjian yang terlibat (jika ada), menentukan syarat rujukan (term of reference), menetapkan aspek-aspek teknikal dan aspek-aspek lain yang bersesuaian seperti soal-soal keselamatan, kos dan perbelanjaan pengukuran dan lain-lain yang berkaitan .

(iv) Merancang jadual pengukuran dan mengawasi prestasi kemajuan kerja-kerja pengukuran di lapangan.

- (v) Menyelaras kerja-kerja pengukuran sempadan di lapangan.
- (vi) Menyelesaikan masalah-masalah teknikal yang berbangkit semasa pelaksanaan dan selepas proses pengukuran.
- (vii) Melaporkan kepada Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri mengenai kemajuan kerja-kerja pengukuran dan lain-lain aspek yang berkaitan.
- (viii) Melaporkan kepada Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri jika terdapat sempadan yang berubah akibat dari pada perubahan ciri-ciri semulajadi (natural features) semasa kerja-kerja pengukuran sedang dijalankan.
- (ix) Menyediakan perkara-perkara yang berkaitan dengan penyediaan Memorandum Persefahaman bersama dan hal-hal deraf pewartaan sempadan

negeri-negeri yang telah siap diukur.

### **3.5 Pembentukan Akaun Amanah Bagi Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri**

---

3.5.1 Satu Akaun Amanah perlu diujudkan di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Tujuan Akaun Amanah ini adalah untuk membiayai kos penandaan dan pengukuran sempadan bersama negeri. Apabila Kerajaan Negeri telah bersetuju sempadan negeri berkenaan akan diukur, Kerajaan Negeri yang membiayai perbelanjaan penandaan dan pengukuran sempadan bersama akan mengemukakan peruntukan tersebut kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Peruntukan berkenaan akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah bagi membiayai kerja-kerja awalan seperti pembelian/penyewaan kenderaan, pembelian peralatan dan lain-lain perkara yang difikirkan mustahak dan seterusnya Akaun Amanah ini juga akan digunakan untuk membiayai kos kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan bersama.

3.5.2 Jika Akaun Amanah ini tidak diujudkan, adalah sukar bagi Jabatan Ukur dan Pemetaan menjalankan kerja-kerja penandaan dan pengukuran kerana jika terdapat keperluan yang mendesak bagi membeli barang-barang atau peralatan maka pembelian tidak dapat dilakukan kerana ianya tidak dimasukkan ke dalam Belanjawan Tahunan Jabatan berkenaan. Dengan adanya Akaun Amanah ini, pembelian boleh dilakukan dengan segera tanpa mengikut proses penyediaan anggaran peruntukan dan ini akan membolehkan penandaan dan pengukuran berjalan dengan lancar dan teratur.

#### 4. IMPLIKASI

##### 4.1 Kos yang terlibat

4.1.1 Diantara kos yang terlibat dengan kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri ialah elaun kerja luar dan perjalanan serta kos penggunaan helikopter.

4.1.2 Bagi elaun kerja luar dan perjalanan, anggaran kos sebulan adalah \$6,000.00 untuk

satu kilometer (termasuk kos jentera, bahan-bahan binaan, pengangkutan darat).

- 4.1.3 Kos penggunaan helikopter pula dianggarkan \$30,000.00 bagi tempoh 8 jam dan dianggarkan sekurang-kurangnya dua kali penerbangan diperlukan setiap bulan. Helikopter digunakan apabila satu-satu tempat itu tidak dapat dilalui oleh kenderaan darat disebabkan bentuk muka bumiannya. Pada kebiasaannya helikopter digunakan bagi mengangkut bahan-bahan binaan untuk membina batu sempadan.
- 4.1.4 Selain daripada kos di atas, kos pengangkutan untuk urusan logistik dan keperluan-keperluan luar jangka akan dikenakan mengikut kos perbelanjaan sebenar.
- 4.1.5 Berkaitan dengan pembayaran, Kerajaan Negeri akan menghantar peruntukan kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang kemudiannya akan memasukkan peruntukan tersebut ke dalam Akaun Amanah yang akan ditubuhkan. Jika berlaku kenaikan kos

daripada anggaran asal, perbezaan tersebut akan dituntut daripada Kerajaan Negeri.

#### 4.2 Tanggungan Kos

Oleh kerana pengukuran dan penandaan sempadan bersama antara negeri hanya akan dilakukan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan setelah adanya permohonan dari negeri-negeri, maka Kerajaan Negeri hendaklah menanggong kos yang terlibat berkaitan dengan pengukuran tersebut. Oleh yang demikian Kerajaan-Kerajaan Negeri haruslah menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi membiayai kos berkenaan (seperti di para 4.1.1 - 4.1.5 yang akan ditanggung bersama oleh negeri-negeri yang sempadannya terlibat dengan penandaan dan pengukuran). Kos yang melibatkan Jabatan Ukur dan Pemetaan adalah dari segi pembayaran gaji untuk pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat di dalam kerja-kerja pengukuran.

#### 4.3 Dapat Menyelesaikan Masalah Pembangunan di Sempadan

4.3.1 Jika sempadan antara kedua negeri tidak diukur dan jika berlakunya pencerobohan di kawasan sempadan, ianya boleh menjelaskan hubungan antara dua negeri.

4.3.2 Pengukuran sempadan antara dua negeri boleh mempercepatkan proses pembangunan di kedua-dua kawasan sempadan negeri berkenaan.

4.3.3 Pembahagian hasil bumi seperti petroleum, perlombongan, hasil pembalakan dan lain-lain dapat dilakukan dengan mudah jika kawasan sempadan antara kedua-dua negeri telah ditanda dan diukur. Dengan itu tidak akan timbul masalah pelupusan di kawasan di luar daripada sempadan pentadbiran sesebuah negeri.

## 5. KESIMPULAN

5.1 Penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri dapat dibuat kesimpulan seperti berikut:

5.1.1 Penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri adalah penting dibuat terutama dari aspek pembangunan ekonomi dan hubungan baik dan pembangunan kawasan sempadan antara negeri yang terlibat.

5.1.2 Kos penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri hendaklah ditanggung oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan.

#### 6. ULASAN KEMENTERIAN/AGENSI PUSAT

##### 6.1 Kementerian Kewangan

" Perpendaharaan mengambil maklum akan cadangan tatacara bagi melaksanakan kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan bersetuju dengan cadangan supaya kos bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut dibiayai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang terbabit seperti cadangan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Perpendaharaan juga pada dasarnya tiada halangan ke atas penubuhan suatu Akaun Amanah khusus bagi mengurus bayaran-bayaran yang akan diperolehi dari Kerajaan-kerajaan Negeri yang terbabit dalam pengukuran dan penandaan sempadan. Walau bagaimanapun, urusan penubuhan Akaun Amanah tersebut perlulah diperincikan dengan pihak-pihak yang berkenaan."

##### 6.2 Majlis Keselamatan Negara

" 1. Pejabat MKN menyokong cadangan bagi

mengujudkan garis panduan penandaan sempadan bersama antara negeri-negeri Malaysia. Pengukuran dan penandaan semula sempadan antara negeri-negeri akan dapat mengatasi masalah berkaitan dengan pembangunan di kawasan sempadan bersama dan mengelakkan konflik bersabit dengan pembahagian hasil bumi dan hutan.

2. Pejabat ini seterusnya berpendapat tidak wujud masalah dari segi keselamatan dalam menjalankan kerja-kerja pengukuran dan penandaan di negeri-negeri yang berkaitan kerana tidak ada lagi ancaman militan dari anasir-anasir Parti Komunis Malaya yang boleh mengganggu kerja-kerja pengukuran dilapangan. Walau bagaimanapun langkah-langkah keselamatan perlu diambil terhadap kawasan-kawasan yang dahulunya menjadi kawasan operasi keselamatan yang mungkin masih tertanam jerangkap-jerangkap samar".

### 6.3 Jabatan Pequam Negara

" Pada amnya adalah didapati bahawa cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Memorandum ini bolehlah disokong. Adalah jelas bahawa matlamat utama cadangan-cadangan berkenaan ialah untuk memperkemas dan memperkuuhkan lagi mekanisme

administratif pemerosesan permohonan penandaan dan pengukuran sempadan negeri-negeri dan seterusnya pengurusan pelaksanaannya. Dengan tertubuhnya garis panduan (tatacara) pelaksanaan permohonan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri seperti di perenggan 3.4 Memorandum ini adalah dipercayai bahawa kerja-kerja berkaitan dengannya dapatlah dijalankan dengan teratur dan lebih berkesan lagi.

Memandangkan bahawa kerja-kerja yang akan dilakukan ini adalah di atas permintaan dan bagi manfaat negeri-negeri yang berkaitan adalah wajar bagi kos penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri ditanggung bersama oleh Kerajaan Negeri yang terlibat. Cadangan penubuhan Akaun Amanah, khusus bagi membiayai kos penandaan dan pengukuran sempadan bersama negeri, adalah suatu cadangan yang baik dan bolehlah dilakukan mengikut peruntukan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1967 ".

#### 7. SYOR

Jemaah Menteri adalah diminta:

- 7.1 mengambil maklum mengenai kedudukan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-

negeri di Semenanjung Malaysia.

7.2 Menimbang dan meluluskan cadangan-cadangan berikut:

- (a) garis panduan (tatacara) pelaksanaan permohonan penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri seperti dipara 3.4;
- (b) kos penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri ditanggung bersama oleh Kerajaan Negeri yang terlibat;
- (c) mewujudkan Akaun Amanah di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi agar penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri-negeri dapat berjalan dengan lancar.

KEMENTERIAN TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI,  
KUALA LUMPUR.

TARIKH: 4 MAC, 1993.

LAMPIRAN AJARAK SEMPADAN ANTARA NEGERI-NEGERI

Negeri-Negeri	Anggaran Jarak Sempadan (km)	Jarak telah Diukur (km)
1. Perlis - Kedah	40	-
2. Pulau Pinang - Kedah	84	-
3. Perak - Pulau Pinang	10.5	-
4. Kedah - Perak	120	-
5. N.Sembilan - Pahang	112	-
6. Perak - Kelantan	207	-
7. Perak - Pahang	150	-
8. Perak - Selangor	152	-
9. Selangor - Pahang	88	62.3 *
10. Selangor - N.Sembilan	96	-
11. N.Sembilan - Melaka	72	-
12. Melaka - Johor	48	-
13. Johor - Pahang	165	-
14. N.Sembilan - Johor	50	- *
15. Pahang - Terengganu	249	100
16. Pahang - Kelantan	257	69.7
17. Kelantan - Terengganu	160	-
18. Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) - Selangor	108.148	-
Jumlah	2168.648	232.0

Nota:

\*

Jarak sempadan ini mengikut sempadan lot tanah yang diberi milik oleh Kerajaan Negeri tetapi Memorandum Persefahaman antara kedua-dua Kerajaan Negeri yang terlibat belum ditandatangani (kecuali Pahang-Kelantan).